



UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

*The National University of Malaysia*

**GARIS PANDUAN  
BIASISWA PASCA-SISWAZAH  
KURSI SHEIKH OTHMAN SARAWAK**



**URUSETIA KURSI SHEIKH OTHMAN SARAWAK, UKM**

**GARIS PANDUAN BIASISWA PASCA-SISWAZAH  
KURSI SHEIKH OTHMAN SARAWAK**

## **KANDUNGAN**

<b>PERKARA</b>	<b>HALAMAN</b>
1. PENGENALAN	3
2. OBJEKTIF	3
3. SYARAT-SYARAT PERMOHONAN	3
4. KRITERIA PEMILIHAN	4
5. CALON YANG TIDAK LAYAK MEMOHON	4
6. KADAR BIASISWA	4
7. TEMPOH PENAJAAN BIASISWA	5
8. CARA MEMOHON	5
9. TARIKH TUTUP PERMOHONAN	6
10. CARTA ALIR	7

## 1. PENGENALAN

Biasiswa Kursi Sheikh Othman Sarawak mula diperkenalkan pada tahun 2022. Biasiswa ini ditawarkan oleh Urusetia Kursi Sheikh Othman Sarawak, UKM bagi calon pasca-siswazah yang akan dan sedang menjalankan penyelidikan berkaitan pembangunan masyarakat Islam Sarawak.

## 2. OBJEKTIF

Tujuan biasiswa ini adalah untuk membiayai **SEORANG (1)** calon pasca-siswazah peringkat Sarjana dalam bidang yang boleh dimanfaatkan oleh masyarakat Islam di Sarawak:

- i. Ekonomi Digital Negeri Sarawak;
- ii. Pembangunan Tamadun Negeri Sarawak;
- iii. Pertanian Moden;
- iv. Perusahaan Kecil & Sederhana (PKS)

## 3. SYARAT-SYARAT PERMOHONAN

### 3.1 SYARAT-SYARAT ASAS

- a) Biasiswa ini terbuka kepada mana-mana calon yang akan mendaftar atau sedang menjalani pengajian peringkat Sarjana di UKM pada Semester 1, Sesi 2022/2023.
- b) Keutamaan pemberian biasiswa ini adalah untuk anak Negeri Sarawak.
- c) Calon yang berjaya mesti mengikuti pengajian di UKM secara **SEPENUH MASA dan MOD PENYELIDIKAN (*Full Research*)**.

### 3.2 SYARAT KHUSUS (AKADEMIK)

- a) Calon memperolehi pencapaian akademik yang cemerlang, sekurang-kurangnya Ijazah Sarjana Muda Kelas Kedua Atas atau CGPA/PNGK 3.00 ke atas semasa ijazah pertama.

- b) Calon dikehendaki untuk melampirkan cadangan proposal kajian sewaktu memohon dan membenteng draf berkenaan dalam sesi temuduga oleh panel khas yang akan dilantik oleh Jawatankuasa Pengurusan Kursi.
- c) Memiliki ciri kepimpinan yang tinggi, aktif dalam kegiatan kemasyarakatan dan cemerlang dalam perkembangan bakat seperti kepimpinan, kemahiran dan kreativiti merupakan satu kelebihan.

#### **4. KRITERIA PEMILIHAN**

- a) Calon yang layak dan memenuhi syarat umum dan khusus akan ditemuduga oleh panel penilai yang dilantik oleh Jawatankuasa Pengurusan Kursi.
- b) Pemilihan akan dilakukan dengan mengambil kira prestasi semasa temuduga, potensi calon dan cadangan proposal kajian yang akan dilaksanakan.
- c) Perakuan daripada panel penilai akan dimajukan ke Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Kursi untuk tujuan kelulusan.
- d) Keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Kursi adalah muktamad.

#### **5. CALON YANG TIDAK LAYAK MEMOHON**

- a) Pemohon yang tidak memenuhi syarat-syarat kelayakan asas dan khusus yang ditetapkan.
- b) Pemohon yang sedang mengikuti program secara jarak jauh atau separuh masa.
- c) Pemohon yang masih terikat dengan mana-mana badan penajaan.
- d) Pemohon yang telah bekerja tetapi tiada surat pelepasan/kelulusan daripada majikan.

#### **6. KADAR BIASISWA**

- a) Biasiswa mencakupi yuran pengajian dan elaun sara hidup.



## URUSETIA KURSI SHEIKH OTHMAN SARAWAK, UKM

### GARIS PANDUAN BIASISWA PASCA-SISWAZAH KURSI SHEIKH OTHMAN SARAWAK

- b) Untuk semester pertama, peruntukan sebanyak RM 10,770.00 merangkumi seperti berikut:

RM 5,370.00 (Yuran semester pertama).

Rm 5,400.00 (Elaun sara hidup sebanyak RM 1,800.00 sebulan untuk **TIGA (3) bulan** pertama).

#### 7. TEMPOH PENAJAAN BIASISWA

Calon yang berjaya akan ditaja **SELAMA 2 TAHUN/4 SEMESTER** sepanjang pengajian.


#### 8. CARA MEMOHON

- a) Permohonan adalah secara dalam talian melalui Google Form:  
[https://docs.google.com/forms/d/e/1FAIpQLScc7gYjVXfkB9BqZZODyKI5oN7FWoULQ6-RqMMwCTsdzSBtpA/viewform?usp=sf\\_link](https://docs.google.com/forms/d/e/1FAIpQLScc7gYjVXfkB9BqZZODyKI5oN7FWoULQ6-RqMMwCTsdzSBtpA/viewform?usp=sf_link)
- b) Segala dokumen hendaklah disertakan di dalam permohonan tersebut, iaitu:
- i. Resume Pemohon
  - ii. Salinan Kad Pengenalan Pemohon
  - iii. Salinan Sijil Kelahiran Pemohon
  - iv. Salinan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)
  - v. Salinan Sijil Ijazah Sarjanamuda
  - vi. Salinan Transkrip Ijazah Sarjanamuda
  - vii. Salinan Surat Tawaran Pengajian ke UKM
  - viii. Cadangan Proposal Penyelidikan
- c) **SILA AMBIL PERHATIAN** bahawa kesemua salinan dokumen dan sijil mestilah disahkan terlebih dahulu.
- d) Kakitangan kerajaan yang sedang berkhidmat mestilah mengemukakan permohonan mereka melalui Ketua Jabatan masing-masing dengan menyertakan surat pengesahan memperolehi kebenaran untuk belajar secara sepenuh masa sama ada bergaji penuh atau separuh gaji.
- e) Sebarang pindaan pada syarat-syarat permohonan pada iklan ini jika ada, termasuk tarikh tutup permohonan, akan dimaklumkan melalui media massa dan elektronik.

## **9. TARIKH TUTUP PERMOHONAN**

- a) Tarikh tutup permohonan **pada 31 JULAI 2022.**
- b) Permohonan yang diterima selepas tarikh tersebut **TIDAK** akan dipertimbangkan.
- c) Permohonan yang **TIDAK LENGKAP** atau **TIDAK MEMENUHI** syarat-syarat ditetapkan **TIDAK** akan dipertimbangkan.
- d) Mana-mana permohonan yang tidak mendapat maklum balas dan panggilan daripada pihak Urusetia Kursi Sheikh Othman Sarawak **dalam tempoh SATU (1) BULAN** selepas tarikh tutup permohonan dianggap **TIDAK BERJAYA.**

## 10. CARTA ALIR





**URUSETIA KURSI SHEIKH OTHMAN SARAWAK, UKM**

**GARIS PANDUAN BIASISWA PASCA-SISWAZAH  
KURSI SHEIKH OTHMAN SARAWAK**

**URUSETIA KURSI SHEIKH OTHMAN SARAWAK  
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA  
43600 UKM BANGI SELANGOR  
NO. TEL: 03-89215622  
NO. FAKS: 03-89213185  
EMEL: [kursisos@ukm.edu.my](mailto:kursisos@ukm.edu.my)  
LAMAN SESAWANG: [www.ukm.my/kursisos](http://www.ukm.my/kursisos)**